

**KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN & AL-SUNNAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA**



**PEPERIKSAAN
SIJIL PENGAJIAN AL-HADITH**

MODUL III

HADITH DAN SAINS

JANUARI 2016

MASA : 1 JAM

ARAHAN KEPADA PESERTA:

1. Jangan buka kertas soalan ini sehingga diberitahu.
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk ke dalam dewan peperiksaan apa jua barang atau dokumen yang tidak dibenarkan.
3. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** soalan sahaja dan setiap soalan mempunyai **25 markah**.
4. Peserta dikehendaki menjawab **SATU (1)** soalan sahaja.

(Kertas soalan ini mengandungi 2 soalan dalam 2 halaman bercetak)

Arahan : Jawab SATU (1) soalan sahaja

SOALAN 1

Taharah, nazafah, tazkiyah, dan fitrah merupakan istilah yang diguna pakai oleh Islam dalam usaha membangunkan konsep kebersihan. Konsep Taharah dalam gaya hidup yang diterapkan dalam Islam merupakan satu proses penting bagi menyediakan individu dan masyarakat yang sihat jasmani, psikologi dan sosial sehingga mampu menjadi umat pilihan dan khalifah untuk memakmurkan bumi.

Huraikan pendekatan al-sunnah dalam menerapkan amalan kebersihan diri serta hikmah saintifik terhadap amalan-amalan yang dinyatakan.

[25 Markah]

SOALAN 2

Obesiti atau berlebihan berat badan menjadi faktor risiko kepada penyakit moden atau dikelaskan sebagai penyakit tidak berjangkit seperti diebetis, penyakit jantung, hipertensi, strok dan kanser. Perkembangan tahap kesihatan masyarakat Malaysia memberikan gambaran jelas kepada kita tentang peningkatan penyakit yang tidak berjangkit yang kebiasaannya berpunca daripada tabiat pemakanan seseorang individu.

Jelaskan kesan negatif obesiti terhadap tahap kesihatan manusia dengan disokong oleh fakta-fakta kajian moden dan nyatakan pendekatan al-Sunnah dalam mendepani isu ini.

[25 Markah]

KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN & AL-SUNNAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA



PEPERIKSAAN
KURSUS PENGAJIAN AL-HADITH

MODUL III

HADITH DAN SAINS

OGOS 2016

MASA : 1 JAM

ARAHAN KEPADA PESERTA:

1. Jangan buka kertas soalan ini sehingga diberitahu.
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk ke dalam dewan peperiksaan apa jua barang atau dokumen yang tidak dibenarkan.
3. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** soalan sahaja dan setiap soalan mempunyai **25 markah**.
4. Peserta dikehendaki menjawab **SATU (1)** soalan sahaja.

(Kertas soalan ini mengandungi 2 soalan dalam 2 halaman bercetak)

Arahan : Jawab SATU (1) soalan sahaja

Soalan Pertama

Buah kurma atau nama saintifiknya *Phoenix dactylifera* merupakan makanan yang menjadi amalan pemakanan Rasulullah Salla Allah'Alayh wa sallam. Khasiatnya yang begitu tinggi menjadikan ia antara makanan terbaik sepanjang zaman.

(1) Jelaskan beberapa panduan pemakanan buah kurma yang dianjurkan oleh Rasulullah Salla Allah 'Alayh wa sallam.

(2) Nyatakan kelebihan buah tamar menurut perspektif saintifik.

[25 Markah]

Soalan Kedua

Syariat Islam menuntut perbuatan ihsan kepada setiap makhluk termasuklah kepada tumbuhan dan haiwan.

(1) Huraikan panduan Islam dalam menyempurnakan ibadah sembelihan.

(2) Nyatakan kelebihan serta hikmah yang terkandung di dalamnya.

[25 Markah]